



SIARAN MEDIA **POLIS DIRAJA MALAYSIA**

IBU PEJABAT POLIS DAERAH IPOH, 30000 IPOH, PERAK.
TELEFON: 05-2451500 FAKS: 05-2423095
E-MEL: kpdipoh@rmp.gov.my

HEBAHAN MEDIA RASMI PENUTUPAN DAN LENCONGAN JALAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PAHLAWAN PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

POLIS DI RAJA MALAYSIA (PDRM) MELALUI BAHAGIAN SIASATAN DAN PENGUATKUASAAN TRAFIK (BSPTD), IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) IPOH INGIN MEMAKLUMKAN KEPADA ORANG AWAM BERTHUBUNG PELAKSANAAN PENUTUPAN DAN LENCONGAN JALAN DIBEBERAPA LALUAN UTAMA SEKITAR BANDAR IPOH SEMPENA RAPTAI PENUH DAN SAMBUTAN HARI PAHLAWAN PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025.

PENUTUPAN JALAN INI DILAKSANAKAN BAGI MEMBERI LALUAN KEPADA ISTIADAT RASMI MELIBATKAN KEBERANGKATAN DULI-DULI TUANKU SERTA VVIP BAGI MEMASTIKAN KESELAMATAN SEMUA PENGGUNA JALAN RAYA SEPANJANG ACARA BERLANGSUNG.

MAKLUMAT PENUTUPAN JALAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :

RAPTAI PERTAMA

TARIKH : 29 JULAI 2025 (SELASA)

MASA : 7.30 PAGI HINGGA 10 PAGI

RAPTAI PENUH

TARIKH : 30 JULAI 2025 (RABU)

MASA : 7.30 PAGI HINGGA 10 PAGI

SAMBUTAN HARI PAHLAWAN

TARIKH : 31 JULAI 2025 (KHAMIS)

MASA : BERMULA JAM 7.30 PAGI (PENUTUPAN DIJANGKA
SELAMA SATU JAM)

LALUAN-LALUAN YANG TERLIBAT DENGAN PENUTUPAN DAN
LENCONGAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB (MEDAN KID)
AKAN DILENCONG KE JALAN ST. JOHN DAN JALAN S.P.
SENIVASAGAM.
 2. JALAN S.P SENIVASAGAM AKAN DILENCONG KE ARAH
MEDAN KID.
 3. JALAN RAJA MUSA AZIZ AKAN DILENCONG KE JALAN
KUALA KANGSAR.
 4. JALAN TUN ABDUL RAAZAK AKAN DILENCONG KE JALAN
RAJA MUSA AZIZ.
 5. JALAN KUALA KANGSAR AKAN DILENCONG KE JALAN
RAJA MUSA AZIZ.
-

6. JALAN SULTAN ISKANDAR DARI ARAH BULATAN MB MERUPAKAN LALUAN PERGERAKAN VVIP AKAN MENGGUNAKAN HALA SALAH APABILA MEMASUKI JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB (HADAPAN KTM/ MASJID BEGERI / IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN (IPK) PERAK)

NASIHAT KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA :

BAHAGIAN SIASATAN DAN PENGUATKUASAAN TRAFIK IPD IPOH MENASIHATKAN ORANG RAMAI AGAR MERANCANG PERJALANAN LEBIH AWAL, MENGELAKKAN LALUAN YANG TERLIBAT SEPANJANG WAKTU PROGRAM, MEMATUHI PAPAN TANDA SERTA ARAHAN ANGGOTA POLIS YANG BERTUGAS DAN MENGGUNAKAN LALUAN ALTERNATIF YANG DISEDIAKAN. PENGGUNA JALAN RAYA JUGA DINASIHATKAN AGAR SENTIASA BERHEMAH DAN MEMBERIKAN KERJASAMA SEPENUHNYA DEMI KELANCARAN ACARA DAN KESELAMATAN BERSAMA.

PDRM IPOH MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA DAN SOKONGAN ORANG RAMAI DALAM MENJAYAKAN SAMBUTAN RASMI INI.

SELAMAT MENYAMBUT HARI PAHLAWAN TAHUN 2025. BERDISIPLIN, PROFESIONAL DAN BERINTEGRITI.

(ABANG ZAINAL ABIDIN BIN ABANG AHMAD) ACP
KETUA POLIS DAERAH IPOH